

# Perpaduan, disiplin asas Wawasan: Dr Mahathir

BH 30 DEC 1994

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perpaduan kaum, usaha gigih dan disiplin di kalangan rakyat adalah asas yang perlu diutamakan bagi menjamin kejayaan bangsa dan mencapai matlamat Wawasan 2020.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu perlu untuk memas-

tikan negara tidak lagi dihina oleh pihak tertentu seperti yang berlaku pada zaman penjajahan.

"Kita harus bekerja kuat dan bersatu untuk memastikan negara dan rakyat maju dan mencapai Wawasan 2020. Saya berharap bangsa kita tidak akan

LIHAT MUKA 2

## Perpaduan, disiplin asas Wawasan

DARI MUKA 1

disepak atau dihina lagi," katanya di majlis Malam Mesra Perdana Menteri bersama ahli Dewan Negara di sini, malam ini.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri G Vadiveloo; Timbalannya, Datuk Adam Kadir; Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Majlis Malam Mesra Perdana itu dipengerusikan oleh Senator Rahim Baba.

Dr Mahathir berkata, rakyat termasuk ahli Dewan Negara juga bertanggungjawab bersama-sama pemimpin negara

dan bekerja kuat bagi memastikan pencapaian negara dalam semua bidang terus kekal.

Beliau sendiri berpengalaman menyaksikan peristiwa bagaimana rakyat tempatan dihina oleh penjajah termasuk di zaman Jepun serta British dan ia patut menjadi pengajaran berguna kepada semua pihak.

Dr Mahathir berkata, sejak memegang jawatan Perdana Menteri selama 14 tahun, beliau memperkenalkan beberapa dasar baru seperti penswastan, Persyarikatan Malaysia, perindustriaan dan automobil kerana wujudnya kerjasama daripada semua pihak.

"Kini kita tidak lagi

mendengar kritikan terhadap dasar-dasar berkenaan. Banyak lagi yang patut kita buat bagi mencapai matlamat pada tahun 2020," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Dewan Negara supaya terus memberi pandangan dan teguran berguna terhadap kerajaan.

Dr Mahathir berkata, walaupun ada yang mengatakan kedudukan Dewan Negara kurang berharga, ia sebenarnya berpengaruh jika disampaikan secara bernas dan mempunyai asas kukuh.

"Saya sendiri adalah bekas ahli Dewan Negara (Senat). Ketika Tan Sri Sardon Jubir (Allahyar-

ham) menjadi Menteri Pengangkutan, beliau begitu mengambil berat setiap ucapan yang dibuat ahli Dewan Negara," katanya.

Menurutnya, walaupun jarang menghadiri persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, beliau sebenarnya menerima laporan setiap ucapan sama ada berbentuk teguran, kritikan dan sokongan ahli dewan.

Menurutnya, kedudukan Dewan Negara sebagai dewan tertinggi bertujuan mendengar pandangan daripada tokoh berwibawa dan perlantikan kerajaan negeri atau persetujuan Yang di-Pertuan Agong.